

Bonanza Akaun Semasa Perniagaan

Updated: 15 Sept 2017

Kempen Bonanza Akaun Semasa Perniagaan ("**Kempen**") Hong Leong Bank Berhad (97141-X) ("HLB") / Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191- W) ("HLISB") [kemudian daripada ini disebut secara individu dan secara kolektif sebagai "**Bank**"] bermula pada **15 September 2017** dan berakhir pada **14 Disember 2017**, termasuk kedua-dua tarikh, melainkan diberitahu sebaliknya ("**Tempoh Kempen**"). Kempen ini meliputi dua (2) tawaran iaitu, (1) Pembukaan Akaun Semasa Baharu ("**Tawaran 1**") dan (2) Baki Purata Tambahan Minimum dalam Akaun Semasa ("**Tawaran 2**").

TERMA DAN SYARAT

Terma dan syarat Kempen adalah seperti berikut:-

Kelayakan

1. Kempen ini terbuka kepada seluruh pelanggan akaun semasa bukan individu baharu dan sedia ada yang berdaftar di Malaysia yang merupakan pemegang akaun utama Akaun Semasa Sertaan (sepertimana ditakrif menurut Fasal 2 di bawah) dan berdaftar untuk e-Bayaran Hong Leong Connect BIZ ("**HL Connect BIZ**") (kemudian daripada ini disebut "**Pelanggan**").
2. Akaun semasa sertaan bagi Kempen adalah seperti berikut ("Akaun Semasa Sertaan");
 - (a) Akaun Semasa Hong Leong PowerSME;
 - (b) Akaun Semasa-i Hong Leong PowerSME;
 - (c) Akaun Semasa-i Perniagaan Kecil Hong Leong;
 - (d) Akaun Semasa BizOne Hong Leong; dan
 - (e) Akaun Semasa Hong Leong (bagi pelanggan Micro SME).
3. Bagi mengelakkan keraguan:-
 - (a) "**Pelanggan Baharu**" ialah Pelanggan yang membuka Akaun Semasa Sertaan semasa Tempoh Kempen.
 - (b) "**Pelanggan Sedia Ada**" ialah Pelanggan yang membuka Akaun Semasa Sertaan sebelum 15 September 2017.
 - (c) Pelanggan Perusahaan Kecil dan Sederhana ("**SME**") ditakrif dalam (Pekelling mengenai Takrif Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) di Malaysia) oleh Bank Negara Malaysia; dan
 - (d) Pelanggan Micro SME bermaksud perniagaan tunggal, perkongsian dan syarikat sendirian berhad [iaitu syarikat yang mempunyai "Sdn Bhd" dalam namanya dengan (Pusing Ganti Jualan Tahunan) sehingga Ringgit Malaysia Lima Juta (RM5,000,000)].
4. Kempen ini TIDAK terbuka kepada pelanggan individu, pelanggan bukan-SME dan Organisasi bukan untung.
5. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan dan akaun yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan bubar atau bakal dikenakan prosiding pembubaran pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen TIDAK layak menyertai Kempen.

Kaedah Kempen

(A) Tawaran 1: Pembukaan Akaun Semasa Baharu [iaitu bagi Pelanggan Baharu sahaja]

6. Pelanggan Baharu yang memenuhi **SEMUA** kriteria ditetapkan seperti di bawah ("**Pelanggan-1 Layak**") adalah layak menerima Pemberian berikut:-

Kriteria	Pemberian
<ul style="list-style-type: none"> • Membuka Akaun Semasa Sertaan baharu dengan deposit permulaan minimum* Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu(RM10,000) ke atas semasa Tempoh Kempen; • Mendaftar diri untuk modul e-Bayaran HL Connect BIZ; dan • Melakukan minimum lima (5) transaksi e-bayaran berjaya menerusi HL Connect BIZ pada atau sebelum 14 Mac 2018. 	Kad Petrol (bernilai RM80) x 1 unit "Pemberian A"

* Deposit permulaan bermaksud wang yang didepositkan pada hari yang sama Akaun Semasa Sertaan dibuka.

Setiap Pelanggan-1 Layak berhak menerima hanya satu (1) Pemberian di bawah Kempen ini tanpa mengira bilangan Akaun Semasa Sertaan baharu dibuka oleh Pelanggan-1 Layak semasa Tempoh Kempen.

(B) Tawaran 2: Baki Purata Tambahan Minimum (“IAB”) dalam Akaun Semasa Sertaan

7. Pelanggan yang memenuhi **SEMUA** kriteria ditetapkan seperti di bawah (“**Pelanggan-2 Layak**”) adalah layak menerima Pemberian berikut:

Kriteria	Pemberian
<u>Pelanggan Baharu dan Pelanggan Sedia Ada</u>	
Peringkat 1 <ul style="list-style-type: none"> • Mendeposit dan mengekalkan minimum IAB Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000) hingga Ringgit Malaysia Sembilan Puluh Sembilan Ribu Sembilan Ratus Sembilan Puluh Sembilan (RM99,999) dalam Akaun Sertaan Semasa selama Sembilan puluh satu (91) hari berturut-turut seperti ditetapkan dalam Fasal 9 dan Fasal 10 mengikut mana yang berkenaan; • Mendaftar diri untuk modul e-bayaran HL Connect BIZ e-; dan • Melakukan minimum sepuluh (10) transaksi e-bayaran berjaya menerusi HL Connect BIZ pada atau sebelum 14 Mac 2018. 	Jam Tangan Pintar Fitness Tracker x 1 unit “Pemberian B”
Peringkat 2 <ul style="list-style-type: none"> • Mendeposit dan mengekalkan minimum IAB Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu (RM100,000) ke atas dalam Akaun Semasa Sertaan selama sembilan puluh satu (91) hari berturut-turut seperti ditetapkan dalam Fasal 9 dan Fasal 10 mengikut mana yang berkenaan; dan • Mendaftar diri untuk modul e-Bayaran HL Connect BIZ dan melakukan minimum sepuluh (10) transaksi e-bayaran berjaya menerusi HL Connect BIZ pada atau sebelum 14 Mac 2018. 	Mesin Bancuh Kopi x 1 unit “Pemberian C”

8. Setiap Pelanggan-2 Layak adalah berhak menerima hanya satu (1) Pemberian B atau satu (1) Pemberian C di bawah Kempen ini walaupun Pelanggan-2 Layak telah melakukan/memenuhi kriteria di atas bagi kedua-dua peringkat Tawaran 2 seperti ditetapkan di bawah Fasal 7 di atas.
9. Setiap Pelanggan-2 Layak berhak menerima hanya satu (1) Pemberian B atau satu (1) Pemberian C tanpa mengira bilangan Akaun Semasa Sertaan yang dipegang oleh Pelanggan-2 Layak.
10. Bagi Pelanggan Sedia Ada, pengiraan IAB adalah seperti berikut:
 Jumlah baki penutup harian dari 15 September 2017 hingga 14 Disember 2017 dibahagi 91 (iaitu jumlah bilangan hari Tempoh Kempen) tolak baki penutup harian pada 14 September 2017.

Pelanggan Sedia Ada:

$$IAB = \frac{\text{Jumlah baki penutup harian dari 15 Sep'17 hingga 14 Dis'17}}{91} - \text{Baki Penutup Harian Setakat 14 Sep'17}$$

11. Bagi Pelanggan Baharu, pengiraan IAB adalah seperti berikut:-
 Baki penutup harian Akaun Semasa Sertaan selama sembilan puluh satu (91) hari berturut-turut dari tarikh akaun dibuka semasa Tempoh Kempen dibahagi sembilan puluh satu (91) (iaitu jumlah bilangan hari Tempoh Kempen).

Pelanggan Baharu:

$$IAB = \frac{\text{Jumlah baki penutup harian selama 91 hari dari tarikh pembukaan akaun}}{91}$$

12. Bagi mengelakkan keraguan, bagi Akaun Semasa Sertaan yang mempunyai baki negatif pada mana-mana hari disebabkan penggunaan kemudahan overdraf/barisan tunai, baki penutup harian dianggap sifar bagi hari tersebut.
13. Pelanggan-1 Layak dan Pelanggan-2 Layak (kemudian daripada ini secara kolektif disebut “**Pelanggan Layak**”) yang mendaftar diri untuk modul e-Bayaran HL Connect BIZ semasa Tempoh Kempen dan melakukan transaksi e-bayaran minimum seperti dikehendaki di bawah Tawaran 1 dan Tawaran 2 menerusi HL Connect BIZ semasa Tempoh Kempen dan sehingga 14 Mac 2018 (“**Tempoh Kelayakan**”) juga akan layak mendapat penepian berikut di samping Pemberian A dan/atau Pemberian B atau Pemberian C:-

- (a) Penepian fi langganan HL Connect BIZ bulanan (“**Penepian Yuran Langganan**”) dari bulan Pelanggan Layak berjaya mendaftar diri untuk modul e-Bayaran HL Connect semasa Tempoh Kempen sehingga 31 Disember 2018; dan
 - (b) Penepian caj (“**Penepian Caj**”) bagi pembelian satu (1) token sekuriti bernilai RM50.
14. Bagi mengelakkan keraguan:-
- (a) Pelanggan Layak mestilah menyerahkan borang permohonan HL Connect BIZ yang telah sempurna diisi berserta segala dokumen sokongan yang dikehendaki oleh Bank (secara kolektif disebut “**Dokumen Dikehendaki**”) di mana-mana cawangan Bank semasa Tempoh Kempen;
 - (b) Pelanggan Layak yang menyerahkan borang permohonan HL Connect BIZ yang tidak lengkap dan/atau gagal menyerahkan segala Dokumen Dikehendaki semasa Tempoh Kempen dan kemudiannya menyampaikan borang permohonan HL Connect BIZ yang lengkap dan/atau Dokumen Dikehendaki selepas Tempoh Kempen tidak layak menyertai Kempen.
15. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kelewatan atau kerosakan kepada borang permohonan HL Connect BIZ dan/atau Dokumen Dikehendaki semasa penghantaran/penyerahan kepada Bank. Bagi mengelakkan keraguan, penyerahan borang permohonan HL Connect BIZ dan/atau Dokumen Dikehendaki melalui pos atau khidmat kurier kepada Bank dan bukti penghantaran melalui pos atau khidmat kurier tidak dianggap sebagai bukti penghantaran dan/atau penerimaan oleh Bank.
16. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap dan tidak mempunyai kawalan apa jua pun terhadap kesesakan lalu lintas rangkaian, kegagalan dan/atau gangguan rangkaian yang mungkin dialami oleh penyedia perkhidmatan telekomunikasi berkenaan bagi kelewatan sebarang transaksi e-bayaran IBG dan/atau RENTAS menerusi HL Connect BIZ dihantar semasa Tempoh Kelayakan menyebabkan Pelanggan Layak tidak layak mendapat Pemberian A, Pemberian B atau Pemberian C (secara kolektif disebut “Pemberian”), Penepian Fi Langganan dan/atau Penepian Caj.
17. Bagi tujuan Kempen ini, semua deposit (termasuk ‘**deposit permulaan**’ bagi Tawaran 1 di atas) mestilah terdiri daripada “**Dana Baharu**”. Bagi mengelakkan keraguan, “Dana Baharu” adalah dana daripada bank lain berupa wang tunai, GIRO antara bank, pindahan segera, PFX, pindahan telegraf, cek tempatan dan/atau cek jurubank yang didepositkan ke dalam Akaun Semasa Akaun Sertaan Pelanggan Layak.
18. Yang berikut ini tidak dianggap “Dana Baharu”:-
- (a) pindahan dana intra-bank, iaitu pindahan dana daripada akaun lain Pelanggan dalam Bank atau akaun pihak ketiga dalam Bank; dan/atau
 - (b) pindahan dana antara cawangan di dalam Bank daripada pemegang akaun termasuk pindahan daripada akaun pihak ketiga.
19. Pelanggan Layak yang berhak menerima Pemberian (“**Pelanggan Berjaya**”) akan diberitahu oleh Bank sama ada melalui surat, panggilan telefon atau apa-apa cara lain yang didapati sesuai oleh Bank tidak lewat daripada 30 April 2018 (“**Tarikh Pemberitahuan**”). Pelanggan Layak yang tidak menerima pemberitahuan daripada Bank selewat-lewatnya Tarikh Pemberitahuan dianggap TIDAK berhak mendapat Pemberian.
20. Pelanggan Berjaya bertanggungjawab mengambil Pemberian masing-masing dalam masa empat puluh lima (45) hari dari Tarikh Pemberitahuan secara langsung daripada cawangan asal Bank berkenaan iaitu tempat mereka membuka dan mengekalkan Akaun Semasa Sertaan mereka, jika gagal berbuat demikian, maka Pemberian itu akan dilupuskan dengan sewajarnya. Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang Pemberian yang tidak dituntut atau atas sebarang kelewatan Pelanggan Berjaya mengambil Pemberian. Bank tidak akan melayani apa-apa tuntutan tidak terima Pemberian oleh Pelanggan Berjaya selepas luputnya tempoh empat puluh lima (45) hari dari Tarikh Pemberitahuan.

Umum

21. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan:-
- (a) bersetuju bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi terma dan syarat di dalam ini termasuk pengubahsuaian dan/atau apa-apa terma dan syarat berkenaan yang lain yang dikenakan dari semasa ke semasa;
 - (b) bersetuju bahawa keputusan Bank atas semua hal berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, dan mengikat ke atas semua Pelanggan, dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan tersebut tidak akan dilayani. Jika timbul hal-hal yang tidak disentuh dalam Terma & Syarat, maka hal tersebut akan diputuskan secara mutlak oleh Bank;

- (c) bersetuju untuk mengakses laman web bank di www.hlb.com.my ("Laman Web HLB") dan/atau www.hlisb.com.my ("Laman Web HLISB") dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat dan untuk memastikan sentiasa mengikuti apa-apa pertukaran atau pindaan kepada Terma & Syarat;
 - (d) bersetuju untuk bertanggungjawab dan akan menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan penyertaan dalam Kempen dan/atau pengambilan Pemberian;
 - (e) bersetuju bahawa semua rekod transaksi yang tercatat dalam sistem Bank bagi Kempen adalah tepat dan muktamad;
 - (f) bersetuju bahawa Pemberian tidak boleh ditukar untuk wang tunai, kredit atau manfaat barangan; dan
 - (g) bersetuju dengan Terma & Syarat HL Connect BIZ setelah log masuk atau setelah memohon dan menerima Terma & Syarat.
22. Bank berhak:-
- (a) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat, sama ada keseluruhan atau sebahagian, atau menggantung atau menamatkan Kempen, pada bila-bila masa, atas budi bicara mutlak, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB dan/atau Laman Web HLISB, atau dengan apa-apa cara lain yang didapati sesuai oleh Bank, untuk memberi notis awal kepada Pelanggan;
 - (b) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Kempen ini atas apa jua sebab sekalipun yang dianggap wajar oleh Bank menurut budi bicaranya yang mutlak;
 - (c) menggantikan mana-mana atau kesemua Pemberian itu dengan pemberian lain yang sama nilainya menurut budi bicaranya yang mutlak, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB dan/atau Laman Web HLISB atau dengan apa-apa cara lain yang didapati sesuai oleh Bank, untuk memberi notis awal kepada Pelanggan; dan
 - (d) melupuskan mana-mana atau kesemua Pemberian, Penepian Fi Langganan dan/atau Penepian Caj sekiranya Terma & Syarat tidak dipatuhi.
23. Terma & Syarat di dalam ini hendaklah dibaca bersama-sama secara keseluruhan dengan Terma dan Syarat Akaun Semasa Serta dan mana-mana terma dan syarat lain berkenaan yang dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal. Jika terdapat sebarang percanggahan, maka Terma & Syarat di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
24. Jika sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat di dalam ini berbanding dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen, maka terma dan syarat muktamad dalam Laman Web HLB dan/atau Laman Web HLISB akan diutamakan.
25. Terma & Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan dan/atau Pelanggan Layak bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia dalam semua hal berkaitan dengan Kempen.

Produk Deposit layak dilindungi oleh PIDM.